



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI EKONOMI**

**PENDAFTARAN PADU MENINGKAT MENDADAK : ELAKKAN
PENDAFTARAN DI SAAT TERAKHIR, DAFTAR PADU**

PADU telah menyaksikan peningkatan yang mendadak dalam kadar pendaftaran sepanjang minggu lalu. Setakat 11:59 malam pada 24 Mac 2024, bilangan pendaftaran meningkat kepada 7.7 juta, daripada 5.4 juta yang direkodkan pada 17 Mac 2024.

Daripada jumlah pendaftaran terkini, kadar pendaftaran dalam kalangan individu berumur 18 tahun ke atas telah mencecah 35.1%. Kami optimis bahawa angka ini akan terus meningkat, berpotensi mencapai atau bahkan melebihi 50% menjelang tarikh akhir yang akan datang pada 31 Mac 2024.

Orang ramai digalakkan untuk tidak menunggu hingga saat akhir untuk mendaftar. Dengan tarikh tutup yang semakin hampir, kami menjangkakan pendaftaran harian akan terus meningkat dengan ketara.

Daftar dan kemaskini data anda ke dalam PADU sebelum 31 Mac 2024 untuk mengelakkan risiko keciciran berterusan.

**RAFIZI RAMLI
25 MAC 2024**